

Headline	FRIM terima Anugerah International Diamond Prize		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	16	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,522
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,565



FRIM terima Anugerah *International Diamond Prize*

KUALA LUMPUR – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencatatkan satu lagi kejayaan selepas menerima Anugerah *International Diamond Prize* daripada Persatuan Eropah untuk Penyelidikan Kualiti (ESQR) di Brussels, Belgium baru-baru ini.

Anugerah tersebut yang mengiktiraf usaha, pencapaian dan kecemerlangan pengurusan kualiti FRIM diterima oleh Ketua Program Dasar dan Perancangan Penyelidikan FRIM, Dr. Nur Supardi Md. Noor.

FRIM merupakan salah satu daripada 31 organisasi dan syarikat terkemuka dari seluruh dunia yang dipilih ESQR untuk menerima anugerah tersebut.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, pihaknya sangat berbangga kerana usaha dan pencapaian FRIM dalam aspek kualiti mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

“Harus diingat untuk mencapai sesuatu adalah lebih mudah daripada mengekalkannya, jadi FRIM akan bekerja lebih keras untuk mengekalkan kedudukan



NUR SUPARDI (kiri) menyerahkan sijil dan anugerah yang dimenangi di Belgium kepada **Abd. Latif** pada satu majlis di Kuala Lumpur baru-baru ini.

ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Pada November lalu, FRIM telah menerima Anugerah Penghargaan Pengguna *Malaysian Standards* dari Jabatan Standard Malaysia sebagai mengiktiraf sumbangan FRIM dalam aktiviti stan-

dardisasi di negara ini.

Penggunaan *Malaysian Standards* di FRIM telah bermula pada tahun 1998 dengan beberapa makmal ujiannya memperoleh akreditasi SAMM MS ISO/IEC G25, yang telah dinaik taraf kepada MS ISO/IEC 17025 pada tahun 2000.